

**PENYELARASAN FATWA DI ANTARA NEGERI DENGAN PERSEKUTUAN:
 SATU ANALISIS SOROTAN TERHADAP PENYELIDIKANNYA DI
 MALAYSIA**

*Coordination Of Fatwas Between State Fatwa Council Committee And National
 Fatwa Council On Islamic Affairs: A Case Study In Malaysia*

ⁱMuhamad Miziazam bin Yahya & ⁱⁱAhmad Wifaq Mokhtar

ⁱ Ph.D Candidate, The Centre of Modern Language and Human Science, University Malaysia of Pahang,
 Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan

miziazam@gmail.com

ⁱⁱ Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

wifaq@usim.edu.my

| Abstrak | Abstract |
|--|---|
| <p>Artikel ini adalah mengenai isu ketiadaan penyelarasan fatwa di antara Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (JFK) dengan Jawatankuasa fatwa negeri-negeri di Malaysia. Objektif tulisan ini adalah penumpuan kepada masalah penyelarasan fatwa di Malaysia. Ianya isu yang sering diperbahaskan oleh ahli-ahli akademik di peringkat universiti. Pelbagai teori dan pendekatan telah dicadangkan dan dirumuskan solusinya bagi mengatasi perbezaan fatwa yang berlaku khususnya di antara negeri dan persekutuan. Justeru literatur ini menyoroti pendapat dan pandangan penyelidik-penyelidik yang telah membangkitkan masalah ini di dalam kajian mereka. Pembolehubah-pembolehubah seperti halangan enakmen di negeri-negeri, uruf setempat, latarbelakang pendidikan yang berbeza di kalangan mufti dan kelemahan garis panduan yang disediakan oleh JAKIM merupakan faktor-faktor yang membawa</p> | <p>This article concerns on the issue of non coordination of fatwa between the national fatwa council on Islamic affairs and the state fatwa council in Malaysia. The purpose is to emphasis on the non coordination of fatwa in Malaysia and it has been discussed by academicians at the university level. Numerous theories and approaches have been suggested in resolving the differences of fatwa that occurred between the state council and federal council. Therefore, this research is to explore the belief and views of research in this matter. Variables such as interference of enactments, traditions, differences in educational backgrounds between the muftis and poor guidelines provided by JAKIM are elements that contribute to this problems. Based on the data collecting method and analysis of document, this study has looked into past researches on coordinating fatwas in Malaysia. Nevertheless, this outcomes of this researches have yet to find solutions and fulfilling its objectives.</p> |

kepada masalah tersebut. Justeru berpandukan metod pengumpulan data dan analisis kandungan dokumen penulisan kajian literatur ini telah melihat kembali kajian-kajian lalu yang dilakukan terhadap isu penyelarasan fatwa di Malaysia. Namun setelah diteliti dapatan-dapatan kajian tersebut masih belum dapat mencapai matlamat yang dihasratkan secara sepenuhnya.

Kata Kunci: Penyelarasan, Fatwa, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (JFK), Jawatankuasa Fatwa Negeri.

Keywords: Coordination, Fatwa, the national fatwa council on Islamic affairs and the state fatwa council in Malaysia

PENDAHULUAN


Sorotan kajian yang lalu atau *literature review* dilakukan bagi tujuan memastikan penulisan yang ingin dilakukan oleh seseorang penulis belum dibuat oleh penyelidik yang lain. Dalam konteks fatwa di Malaysia Jawatankuasa Fatwa di Malaysia terdiri daripada 15 Jawatankuasa yang masing-masing mempunyai bidangkuasa tersendiri yang diiktiraf oleh undang-undang di Malaysia. Penelitian awal mendapati terdapat penulisan yang dibuat oleh penulis-penulis berhubung masalah tiadanya penyelarasan fatwa di Malaysia dan kepada keperluan digubal satu garis panduan bagi mengatasi permasalahan tersebut. Sebagai contoh Othman Ishak (1981), Abdul Monir Yaacob (1998), Zaini Nasohah (2005), Ahmad Hidayat Buang (2012) dan Lokmanul Hakim Hussain (2013). Walau bagaimanapun, berdasarkan pengamatan belum ada suatu penyelidikan yang dibuat secara dari bawah ke atas atau *bottom up* oleh pihak jabatan mufti negeri-negeri yang benar-benar memahami situasi ini dan seterusnya merumuskan suatu model penyelarasan bagi negeri tersebut untuk menyelesaikan masalah penyelarasan fatwa. Oleh itu, secara umum kajian sorotan literatur ini ditulis berdasarkan dua kategori; a. Faktor-faktor yang menghalang penyelarasan fatwa di Malaysia dan b. Kepentingan mewujudkan garis panduan penyelarasan fatwa di Malaysia bagi menyelesaikan masalah penyelarasan fatwa di Malaysia.

KERANGKA TEORI

Penulisan ini membawa suatu gagasan atau idea bahawa penyelarasan fatwa di Malaysia hanya dapat dicapai jika penyelidikan dilakukan secara berasingan di antara negeri-negeri di Malaysia berbanding kajian secara menyeluruh bagi mencari puncanya. Sesuai dengan matlamat tersebut kajian secara kualitatif melalui pendekatan kajian kes telah digunapakai bagi mendapatkan hasil

penyelidikan yang bersifat khusus dan mungkin hanya relevan dengan jawatankuasa fatwa negeri tertentu sahaja. Ini kerana setiap negeri mempunyai masalah yang berbeza di antara satu sama lain di dalam memutuskan sama ada untuk menerima atau menolak atau mengubah sebarang keputusan fatwa daripada JFK. Fokus pengkaji tertentu terhadap punca kuasa atau enakmen yang agak berlainan di antara negeri-negeri di samping perbezaan uruf dan sosio ekonomi hanyalah sebahagian daripada masalah yang dihadapi oleh negeri. Ini kerana di samping dua sebab tersebut terdapat banyak lagi faktor-faktor yang menyebabkan tiadanya penyelarasan fatwa di antara negeri dan kebangsaan. Misalnya faktor latar belakang pendidikan berbeza di antara ahli-ahli jawatankuasa fatwa negeri dan kebangsaan (Abdul Monir Yaacob 1998; Lokmanul Hakim Hussain 2013).

Oleh itu di dalam mencari penyelesaian penyelarasan fatwa di Malaysia adalah dengan cara mendekati mufti dan ahli-ahli jawatankuasa fatwa sesebuah negeri. Ia perlu dilakukan secara teliti iaitu dengan cara bertemu secara perseorangan bagi mencungkil rahsia dan sebab-sebab yang membawa kepada fenomena tersebut. Kebanyakan ahli-ahli jawatankuasa fatwa negeri tidak tahu secara mendalam sebab musabab JFK memutuskan sesuatu fatwa. Sebagai contoh fatwa berhubung masalah ASN dan ASB yang jelas bermuamalah dengan riba tetapi JFK memutuskan fatwa sebagai harus; suatu keputusan hukum yang tidak sesuai dengan kaedah istinbat hukum di sisi ahli jawatankuasa fatwa sesetengah negeri. Keadaan tersebut digambarkan sebagaimana gambar rajah berikut:



(Gambar rajah yang menunjukkan negeri-negeri mempersoal dan mempertikaikan keputusan fatwa JFK setelah JAKIM mengedarkannya ke negeri-negeri bagi tujuan penyelarasan fatwa di seluruh Malaysia)

DEFINISI FATWA

Perkataan fatwa di dalam Bahasa Malaysia berasal dari perkataan Arab iaitu *Al-fatwa* atau *al-futya*. Ia diambil dari perkataan فتى dan فتوى yang membawa makna "الإبانة" iaitu penjelasan (Al Mallah, Syeikh Hussayn Muhamad, 2009). Daripada kata akar *Al-fatwa* atau *al-futya* tersebut timbul pula kata nama terbitan (*masdar*) iaitu *al-ifta'*, yang bermaksud memberi penjelasan. Justeru kata nama terbitan *al-ifta'* adalah paling menepati konsep *al-fatwa* atau *al-futya* apabila seseorang Arab berkata "افتى العالم" ertinya adalah apabila seseorang yang alim menjelas atau memberi jawapan tentang sesuatu hukum. (Al Fayyum, Ahmad bin Muhamad bin Ali, 2008).

Walaupun *fatwa* dan *futya* mempunyai persamaan maksud tetapi Ibn Manzur (1233-1312H) berpendapat perkataan *fatwa* adalah lebih banyak digunakan. (Ibn Manzur, 1968) Dalam konteks bahasa Melayu pula perkataan *fatwa* telah diterima dalam masyarakat Melayu Muslim khususnya di Malaysia. Dalam Kamus Dewan *fatwa* telah diterimapakai sebagai bahasa Melayu yang bermaksud keputusan tentang sesuatu hukum agama (yang belum diputuskan lagi) berdasarkan nas al-Quran, hadis dan sumber hukum lain, termasuk *ijtihad* oleh mufti (atau mereka yang berwenang tentang keputusan hukum syarak). (Noresah Baharum, et.al, 1994)

LITERATUR PENYELARASAN FATWA DI MALAYSIA

Penulisan dan penyelidikan ilmiah mengenai fatwa telah banyak dilakukan di universiti dan kolej di seluruh Malaysia. Penulisan tersebut meliputi pelbagai aspek pengkajian seperti penggunaan prinsip Maqasid Syariyyah di dalam pengeluaran fatwa, kaedah pengisbatan hukum di dalam pengeluaran fatwa, analisa fatwa-fatwa Usuluddin dan Syariah, penyediaan dan pengeluaran fatwa, penguatkuasaan fatwa di Malaysia sehinggalah kepada isu penyelarasan fatwa di Malaysia. Berhubung dengan masalah penyelarasan fatwa di Malaysia kajian awal mendapati bahawa belum ada suatu model penyelarasan fatwa khusus yang boleh menyelesaikan masalah ketiadaan penyelarasan fatwa di antara negeri dan persekutuan. Oleh itu, penulisan literatur ini selanjutnya akan menganalisis penulisan dan penyelidikan lalu yang mempunyai kaitan dengan isu penyelarasan fatwa di Malaysia.

PENULISAN PENYELARASAN FATWA DI MALAYSIA

Penulisan tentang fatwa dan penyelarasannya di Malaysia boleh dilihat dari dua aspek iaitu sebahagian pengkaji menyelidikinya dari sudut organisasi & birokrasi di jabatan mufti yang membawa kepada terhalangnya penyelarasan fatwa dan sebahagian lagi menyelidikinya dari segi mencadangkan garis panduan pengeluaran fatwa dan peranan yang dilakukan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai urusetia JFK di peringkat pusat bagi memastikan negeri-negeri memperakukan fatwa-fatwa JFK melalui proses endorsmen di dalam

mesyuarat jawatankuasa fatwa negeri.

Oleh itu jika dilihat dari kacamata sejarah, antara buku akademik terawal yang membicarakan secara kritis tentang fatwa di Malaysia ialah buku *Fatwa Dalam Perundangan Islam* yang ditulis pada tahun 1981 oleh Dr. Othman bin Hj. Ishak. Buku ini adalah berdasarkan tesis kedoktoran beliau di Universiti Malaya yang bertajuk "*Satu Kajian Kritikal Mengenai Institusi Fatwa Dalam Hukum Sharak di Negeri-Negeri Melayu-Sejarah Dan Interpretasinya*". Buku ini telah menjelaskan tentang fatwa di Negeri-Negeri Melayu dari segi struktur dan organisasi fatwa, autoriti fatwa dan pengarang juga telah membawa lebih kurang empat puluh contoh-contoh fatwa yang telah dibincangkan oleh negeri-negeri tersebut dan perbezaan yang wujud dalam fatwa di antara mereka dengan JFK. Di antara fatwa yang tidak selaras yang dipaparkan di dalam buku ini ialah mengenai insuran nyawa, pendermaan organ, perancangan keluarga, hukum ketua negara merasmikan rumah ibadat agama selain Islam dan penentuan tarikh permulaan Ramadhan. Seterusnya pengarang telah mengkritik beberapa kelemahan yang wujud dalam institusi fatwa di Negeri-Negeri Melayu pada zaman itu. (Othman Ishak, 1981).

Dr. Zaini Nasohah dalam *Jurnal Islamiyyat* telah menulis artikel bertajuk "*Undang-Undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia*". Beliau telah menjelaskan tentang masalah fatwa di Malaysia terutamanya berkait dengan masalah penguatkuasaan. Pengarang telah membentangkan masalah yang berlaku apabila fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia tidak di terima secara seragam oleh negeri-negeri di mana ada negeri yang menerima sepenuhnya, ada yang menerima dengan pindaan dan ada yang tidak menerimanya. Antara contoh yang dikemukakan ialah fatwa pengharaman merokok dan menangani perpecahan di kalangan orang Melayu. (Zaini Nasohah, 2005) Kajian ini menjurus kepada dua aspek utama di dalam bidang kefatwaan iaitu yang pertama membincangkan tentang mufti dan pengeluaran fatwa di Malaysia dan keduanya aspek pentingnya penyelarasan fatwa di Malaysia bagi tujuan penguatkuasaan terhadap sesuatu fatwa yang diwartakan. Di dalam penulisan ini dapat dibuat kesimpulan bahawa perkara utama yang diketengahkan adalah pelarasan fatwa amat penting bagi tujuan penguatkuasaan fatwa di Malaysia.

Mahamad Naser Disa yang berpengalaman luas dalam bidang perundangan negara ada menulis artikel yang bertajuk "*Ke Arah Penyelarasan Dan Penyatuan Pandangan Dalam Pengeluaran Hukum Di Malaysia: Perspektif Perundangan*" di dalam *Monograf al Ifta'*, siri 2, Beliau telah mengulas peri penting penyelarasan fatwa dan hukum dalam negara dalam menghentikan konflik perbezaan fatwa. Beliau juga telah mengkritik tentang campurtangan politik di dalam pewartaan fatwa kerana jika perkara ini berlarutan institusi fatwa akan hilang kewibawaannya di sisi masyarakat Islam. (Mahamad Naser Disa, 2011).

Pandangan Prof Dato Mahamad Naser Disa terutama mengenai campurtangan politik di dalam bidang kefatwaan secara tidak langsung sebenarnya berlaku di Negeri Pahang; khususnya apabila sesuatu fatwa ingin diwartakan. Ini kerana mengikut amalan mestilah dibawa ke dalam mesyuarat penuh MUIP yang mana Yang di-Pertuannya adalah KDYTM Tengku Mahkota Pahang dan di antara ahlinya ialah YAB Menteri Besar Pahang. Keberadaan YAB Menteri Besar selaku tokoh politik memberi kesan di dalam bersetuju atau tidak bersetujunya sesuatu fatwa itu samada hendak diwartakan atau sebaliknya. Sebagai contoh fatwa pengharaman merokok tidak diwartakan meskipun JPNSNP telah pun memutuskannya sebagai haram di Negeri Pahang namun MUIP tidak bersetuju untuk mewartakannya. Sebagai contoh lain dapat dilihat pada fatwa mengharuskan kerajaan mengutip cukai "goods and services" (GST). Di mana dasar kerajaan telah diumumkan terlebih dahulu untuk mengenakan GST kepada rakyat, apabila keadaan agak panas diarahkan JFK mengkaji dan mengeluarkan hukum mengenai cukai agar rakyat dapat berpegang kepada fatwa yang diputuskan sebagai harus. Ini jugalah yang terjadi kepada fatwa ASN dan ASB yang mana ianya telah ditubuhkan terlebih dahulu kemudian timbul kegelisahan rakyat berhubung pelaburannya institusi fatwa khususnya JFK diminta mengeluarkan hukum mengenainya.

KAJIAN TERHADAP FAKTOR-FAKTOR PENGHALANG PENYELARASAN FATWA DI MALAYSIA

Kajian terperinci terhadap halangan kepada penyelarasan fatwa di Malaysia telah banyak diselidiki oleh para pengkaji. Ada di antara mereka yang mengkajinya secara satu persatu dan ada yang mengkajinya secara berbilang sebab. Sebagai contoh satu kajian berbentuk preliminari tulisan Dr Paizah Ismail et.al yang bertajuk "Konflik fatwa di Malaysia: Fenomena dan rangka penyelesaiannya" (Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Abdullah, Paizah Ismail dan Mohd Anuar Ramli (2013) *Jurnal Fiqh*. Siri 10. APIUM. Kuala Lumpur) juga ada mengulas mengenai isu penyelarasan fatwa antara kebangsaan dan negeri serta faktor-faktor yang menjadi penghalangnya. Di dalam penyelidikan ini Muhammad Rosele, et.al ada membincangkan tentang kewujudan sebanyak 15 institusi fatwa di Malaysia dengan pelbagai nama dan masing-masing dilindungi oleh akta atau enakmen kecuali JFK. Penulisan ini juga turut memuatkan mengenai masalah fatwa yang tidak selaras telah pun berlaku di zaman awal Islam yang berlaku di era sahabat iaitu selepas kewafatan rasulullah SAW. Demikian juga ianya telah berlaku di zaman tabi'in dan tabi' tabi'in.

Selanjutnya artikel ini telah membincangkan pula mengenai isu ketiadaan penyelarasan fatwa yang berlaku di Malaysia khususnya di antara negeri dengan persekutuan dan di antara negeri dengan negeri yang lain dengan mengambil contoh-contoh seperti hukum mengikuti kursus *ESQ leadership* di mana Wilayah Persekutuan dan Perlis telah mengharamkan penganjuran kursus ini kerana

terdapat slot yang boleh “menggangu” akidah umat Islam manakala JFK mengharuskannya dengan syarat dikawalselia oleh panel Syariah yang dilantik, diulas juga oleh para penulis mengenai contoh zakat pendapatan melalui potongan gaji (SPG) di mana Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah mewajibkan zakat pendapatan sebelum cukup haul sedangkan Perak menolak konsep zakat seperti ini kerana menurut mereka zakat pendapatan hanya wajib dikeluarkan apabila cukup haul dan nisabnya. Begitu juga dengan fatwa terhadap ASN & ASB, JFK memfatwakan sebagai harus manakala Selangor dan Pulau Pinang memfatwakannya sebagai haram melabur di dalam skim ini. Selanjutnya penulisan ini menghuraikan pula tentang faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya konflik fatwa di Malaysia yang menurut dapatan kajian mereka disebabkan oleh pertamanya terikat dengan pelebagaan dan enakmen, keduanya adalah faktor komposisi ahli jawatankuasa fatwa yang tak seimbang di antara negeri-negeri dan kebangsaan di mana ada negeri ramai dan ada negeri yang lain jumlahnya hanya 10 orang, ketiganya pula adalah disebabkan oleh faktor metodologi untuk mengeluarkan fatwa yang berbeza serta masalah latar belakang akademik yang berbeza dari kalangan ahli majlis fatwa di negeri-negeri. Selanjutnya artikel ini mengulas pula mengenai kesan yang dihadapi oleh umat Islam di Malaysia akibat daripada tidak selaras fatwa seperti menimbulkan kekeliruan terhadap orang awam, kesukaran untuk menguatkuasakan fatwa di seluruh negara dan memberikan imej yang kurang baik kepada institusi fatwa. Seterusnya Muahammad Rosele et.al telah membuat beberapa cadangan agar masalah konflik fatwa ini dapat diminimumkan ke tahap yang paling rendah seperti membuat semakan undang-undang agar negeri-negeri memasukkan peruntukan bahawa fatwa kebangsaan hendaklah diterima pakai di negeri masing-masing tanpa gagal, meminimumkan perbezaan dalam tatacara dan proses pengeluaran fatwa di setiap negeri, memantapkan kaedah penyelidikan fatwa dan kerjasama pintar kebangsaan dan negeri-negeri dan turut mencadangkan penubuhan Jabatan Mufti Negera dan Mufti Negera diwujudkan. (Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Abdullah, Paizah Ismail dan Mohd Anuar Ramli (2013) *Jurnal Fiqh*. Siri 10. APIUM. Kuala Lumpur).

Penulis amat bersetuju dengan pandangan Muhammad Rosele et.al seperti di atas terutama pendapat yang mengatakan penyelarasan fatwa hanya boleh diminimumkan sahaja penyelarasannya. Ini kerana menurut pendapat penulis hanya fatwa-fatwa bersifat umum dan general sahaja yang perlu diselaraskan. Lebih-lebih lagi enakmen yang melindungi jawatankuasa-jawatankuasa negeri amat mantap dan teguh serta akan menimbulkan polemik yang panjang dan sukar bagi meminda atau mengambilnya dari hak milik negeri-negeri yang telah dijamin oleh perlebagaan negara. Justeru menurut pandangan penulis apa yang diperlukan adalah sebuah jawatankuasa khas penyelarasan fatwa antara negeri-negeri dan kebangsaan yang ahli-ahlinya terdiri daripada beberapa orang ahli majlis fatwa negeri selain Mufti Negeri hendaklah ditubuhkan bagi mewujudkan

kesefahaman dan perkongsian pintar kerana adakalanya perbezaan fatwa yang berlaku telah dapat diselaraskan kembali sebagaimana keputusan yang ditetapkan oleh kebangsaan apabila kefahaman dan penjelasan dibuat secara baik oleh pakar-pakar dari persekutuan kepada ahli-ahli jawatankuasa fatwa di negeri-negeri. Contohnya Negeri Pahang telah merujuk kembali keputusan fatwa haram melabur di dalam skim ASN pada tahun 2008 kepada harus iaitu sama dengan keputusan JFK pada tahun 2012. (Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Abdullah, Paizah Ismail dan Mohd Anuar Ramli (2013).

Ketua Jabatan Penasihat (Bahagian Syariah) Jabatan Peguam Negara, Arik Sanusi Yoep Johari juga dalam *Monograf al Ifta'* Siri 1 ada menulis satu penulisan ilmiah yang bertajuk "*Penyelarasan Fatwa Di Malaysia: Kekangan Dari Aspek Perundangan*". Beliau antara lain mengulas mengenai JFK yang sering menganjurkan muzakarah fatwa bagi mengeluarkan hukum atau fatwa sebagai reaksi pertanyaan orang ramai di Malaysia. Walau bagaimanapun, JFK dari sudut pentadbiran dan kerjasama negeri hanya boleh memanggil para mufti untuk bermuzakarah dan memutuskan hukum atas sesuatu perkara namun dari sudut undang-undang badan-badan fatwa negerilah yang lebih berkuasa untuk menerima atau menolaknya. Ini kerana menurut perlembagaan Malaysia bidang kuasa agama adalah milik negeri-negeri dan raja atau Agong adalah ketuanya. Justeru menurut Dr. Arik Sanusi setiap kali sesuatu fatwa dikeluarkan kedapatan sesetengah negeri membuat keputusan yang agak berbeza dari keputusan yang dipersetujui di peringkat kebangsaan. Perbezaan itu sama ada dari sudut ketetapan hukum itu sendiri mahupun mengubahsuai sighth mengikut citarasa sendiri. Perbezaan ini menurut Dr. Arik berlaku berpunca dari aspek perundangan. (Arik Sanusi Yoep Johari, 2011).

Monir Yaacob pula di dalam penyelidikannya berhubung isu ketidakselarasan fatwa di antara negeri dengan persekutuan telah mensabitkan faktor-faktor enakmen yang agak berbeza peruntukan di negeri masing-masing dan latar belakang pendidikan mufti & ahli-ahli jawatankuasa fatwa negeri yang berbeza sebagai punca utama ke arah itu. Kelulusan mufti terutamanya yang berlatarkan pengkhususan yang berlainan telah membawa kepada kecenderungan untuk berpegang kepada apa yang difahami dan juga kepada pendapat ulama atau syeikh yang selari dengan latar pendidikan mereka. Lebih-lebih lagi pada masakini terdapat mufti-mufti negeri yang berkelulusan di dalam pengkhususan bukan Syariah iaitu dalam bidang Usuluddin dan Bahasa Arab. (Abdul Monir Yaacob, (2016) dan (1998).

LITERATUR BAGI MENYELARASKAN FATWA DI MALAYSIA

Penulisan ilmiah yang berkait dengan cadangan untuk menyelaraskan fatwa di Malaysia agak banyak. Mohd Mohadis Yasin misalnya telah menulis tentang keperluan kepada penubuhan Jabatan Mufti Negara yang dipersetujui oleh semua negeri dan menyerahkan urusan pengeluaran fatwa hanya kepada Jabatan Mufti

Negara ini. Dengan kewujudan institusi fatwa yang tunggal rasionalnya hanya satu fatwa sahaja yang akan dikeluarkan di Malaysia. (Mohd Mohadis Yasin, 2007)

Di dalam nada yang lebih kurang sama, Abdul Monir Yaacob pula telah menggesa agar suatu mekanisme perlu digubal bagi merialisasikan jawatan Mufti Negara untuk menyelesaikan masalah penyelarasan fatwa di Malaysia. Ini berikutan dengan wujudnya Mufti Negara seperti di Mesir, Brunei dan Arab Saudi masalah perbezaan fatwa antara wilayah-wilayah di dalam negara tersebut tidak berlaku. (Abdul Monir Yaacob, 2016).

Walau bagaimanapun, gagasan idea awal pengwujudan Mufti Negara ini dizahirkan oleh Zaini Nasohah yang mencadangkan agar penyeragaman dapat diusahakan di peringkat kebangsaan. Ini penting bagi tujuan penguatkuasaan sesuatu fatwa. Apabila fatwa JFK diterima oleh semua negeri maka akan wujud keselarasan dari sudut undang-undang dan penyeragaman tersebut akan memudahkan pihak berkuasa agama di Malaysia untuk mengambil tindakan kepada individu yang melanggar fatwa. Dan bagi tujuan tersebut Zaini Nasohah mencadangkan jawatan Mufti Negara diwujudkan bagi tujuan penyelarasan fatwa di seluruh negara. (Zaini Nasohah, 2005).

Lokmanul Hakim bin Hussain salah seorang Fellow Fatwa yang dilantik oleh JAKIM juga ada menulis artikel yang bertajuk "*Penyelarasan Fatwa Di Malaysia: Kewajaran Dan Kekangan*". Dalam tulisannya Lokmanul Hakim mencadangkan agar masyarakat Islam di Malaysia diberi pendedahan berkenaan fiqh al ikhtilaf supaya tidak berlaku tanggapan negatif terhadap perbezaan fatwa khususnya antara negeri dengan persekutuan. Beliau juga menyarankan agar penyelarasan fatwa dikecilkan skopnya kepada fatwa-fatwa yang telah menjadi ijmak di kalangan ulama sahaja. Dan, beliau juga mencadangkan agar mufti yang tidak bersetuju dengan fatwa JFK tidak mengeluarkan fatwa yang bertentangan kerana boleh menimbulkan persepsi tidak baik kepada masyarakat awam. (Lokmanul Hakim Hussain, 2013).

Di dalam beberapa segi, penulis bersetuju dengan cadangan Lokmanul Hakim Hussain. Wala bagaimanapun, bidang fiqh al ikhtilaf bukanlah medan perbahasan umum yang sesiapa jua boleh dan mampu memahaminya. Pelajar jurusan Syariah di universiti sekali pun tidak diajar dalam silibus mereka di tahun satu. Apatah lagi ingin diperjelaskan kepada masyarakat awam yang kebanyakannya zero pengetahuan berkenaan istilah-istilah fiqh dan rasional perbezaan fatwa dan hukum yang hanya berlegar di kalangan ulama. Justeru jika ada kemampuan oleh pihak berautoriti untuk melaksanakannya amatlah disokong. Namun dipercayai ianya amat sukar untuk dilaksanakan.

KAJIAN LITERATUR TERHADAP PENYELESAIAN PENYELARASAN FATWA

Kajian terperinci terhadap cadangan mengubal satu garis panduan penyelarasan fatwa tidak banyak dilakukan oleh penyelidik. Kebanyakan kajian adalah

berkaitan dengan analisis terhadap faktor-faktor yang membawa kepada terhalangnya penyelarasan fatwa di Malaysia. Walau bagaimanapun, penulisan yang dilakukan oleh Prof Dr Dato Dr Ahmad Hidayat Buang adalah di antara kajian yang berkaitan dengan cara menyelesaikan isu penyelarasan fatwa di Malaysia apabila mencadangkan pengubalan garis panduan penyelarasan fatwa. Di dalam penulisannya beliau memperincikan tentang tatacara dan skop yang mesti ada di dalam sesuatu garis panduan penyelarasan fatwa yang akan digubal seperti mengutamakan kaul muktamad mazhab Syafie dan jika tiada beralih kepada kaul muktamad mazhab Hanafi atau Maliki atau Hanbali. Dan jika tidak ada di dalam kaul-kaul muktamad mazhab tersebut mufti boleh menggunakan pendapat menurut hematnya sendiri (ijtihad mufti). Beliau juga mencadangkan di dalam garis panduan itu ditambah dengan memasukkan qawaid al fiqhiyyah dan maqasid syariyyah sebagai panduan negeri-negeri di dalam menyelaraskan fatwa di Malaysia. Di samping itu, buku-buku rujukan yang muktabar di dalam mazhab Syafie seperti Tuhfah al Muhtaj, Nihayah al Muhtaj, Mughni al Muhtaj, al Majmuk dan sebagainya sebagai rujukan asas di dalam mengeluarkan fatwa di Malaysia hendaklah disepakati bersama. Analoginya mudah iaitu apabila semua negeri mempunyai standard yang sama di dalam pengeluaran hukum maka fatwa yang dikeluarkan pastilah sama. Dengan itu masalah penyelarasan fatwa akan dapat di atasi dan diselesaikan di negara ini. (Ahmad Hidayat Buang, 2012).

Demikian juga dengan artikel tulisan Dr Zulfaqar Mamat, Mohd Nasran Mohamad dan Hyzulkipli Hashim Omar yang bertajuk "*Pengurusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Dan Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri: Satu Analisis Persamaan Dan Perbezaan Fatwa Tahun 2000-2009*" telah menyentuh secara langsung cadangan kepada keperluan suatu garis panduan yang perlu digubal bagi menyelaraskan fatwa di antara negeri dan persekutuan.

Asalnya rencana ini adalah tesis kedoktoran Dr Zulfaqar Mamat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Dalam rencana ini pengarang mengulas tentang perbezaan dan persamaan keputusan fatwa antara negeri-negeri di seluruh Malaysia. Menghuraikan masalah dan kekangan yang berlaku di peringkat negeri sehingga matlamat penyeragaman agak sukar untuk dilaksanakan meskipun dari sudut dapatan kajiannya penyelarasan fatwa di Malaysia bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dicapai. Selanjutnya pada muka surat 295 di dalam tesisnya Dr Zulfaqar mencadangkan agar suatu garis panduan digubal bagi memandu penyelarasan fatwa di Malaysia namun beliau tidak memperincikannya dan menyebutnya secara sepintas lalu sahaja. (Zulfaqar Mamat, 2013).

Cadangan Dr Zulfaqar Mamat di dalam dapatan kajiannya terutama mengenai keperluan kepada pengubalan garis panduan bagi tujuan menyelaraskan fatwa di seluruh Malaysia merupakan suatu kelompangan yang kosong atau *gap* di dalam kajian bidang penyelarasan fatwa yang ada di Malaysia. Walaupun di sana telah wujud garis panduan yang dikeluarkan oleh JAKIM namun

apabila diteliti garis panduan tersebut mempunyai kelemahan yang ketara sehingga kebanyakan negeri menolaknya. Justeru kajian secara terperinci dan secara berasingan terhadap mufti dan ahli-ahli jawatankuasa fatwa di negeri-negeri hendaklah dilakukan bagi mengenalpasti punca di akar umbi seterusnya merumuskan suatu model penyelarasan fatwa yang boleh diterima oleh pihak kebangsaan dan negeri.

GARIS PANDUAN PENYELARASAN FATWA OLEH JAKIM

Setakat penelitian yang dibuat, hanya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang bertindak mengubal suatu garis panduan yang dimaksudkan. Tindakan pengubalan garis panduan oleh JAKIM ini berdasarkan kepada persetujuan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke 96 yang bersidang pada 13 hingga 15 Oktober 2011 di Holiday Villa Hotel & Suites, Alor Setar, Kedah Darul Aman, di mana satu garis panduan telah dipersetujui untuk digunakan oleh semua negeri bagi tujuan peyelarasan fatwa di seluruh Malaysia. (Garis Panduan JAKIM, 2011)

Garis panduan ini telah disemak dan diperbahaskan pada setiap peringkat sama ada di peringkat pegawai di JAKIM mahupun Jabatan-Jabatan Mufti Negeri sebelum ia digubal dan dibina modelnya bagi mendapat persetujuan Mufti-Mufti Negeri seluruh Malaysia. Di dalam penerangannya JAKIM menegaskan terdapat tiga objektif utama garis panduan ini diperkenalkan iaitu pertama bagi mewujudkan mekanisme yang teratur antara negeri-negeri untuk menerima pakai keputusan atau pandangan hukum yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa MKI sebagai fatwa negeri, kedua; Menyelaraskan fatwa antara negeri-negeri di Malaysia, dan ketiganya; Memartabatkan kewibawaan institusi fatwa di Malaysia. Model Penyelarasan Fatwa yang diperkenalkan oleh JAKIM ini dinamakan sebagai **Garis Panduan Pemakaian Keputusan/Pandangan Hukum Yang Dibuat Oleh Jawatankuasa MKI sebagai Fatwa negeri**. Terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian 1 (Permulaan) yang menjelaskan mengenai tajuk ringkas dan pemakainya serta tafsiran, bahagian 2 (Mekanisme Penyelarasan Fatwa) yang mengandungi dua item utama iaitu pada perkara 3: Mekanisme penyelarasan keputusan/pandangan hukum di negeri-negeri dan perkara 4 penyampaian kepada Jawatankuasa fatwa MKI dan negeri dan bahagian 3 (Pelbagai) yang mengandungi; hebahan, siaran fatwa menerusi portal (lawan sesawang) dan Pandangan hukum oleh Jawatankuasa Fatwa MKI.

Cara penyelarasan fatwa yang digariskan oleh model JAKIM ini adalah bermula apabila keputusan tentang sesuatu hukum/fatwa telah dipersetujui oleh semua mufti di dalam mesyuarat JFK. Setelah itu semua mufti diminta membawa pula hukum berkenaan isu tersebut ke peringkat negeri masing-masing untuk diputuskan sebagai sama sepertimana yang telah dipersetujui secara kolektif sewaktu MFK bersidang. Di dalam menggariskan panduan bagi negeri-negeri ini

pada bahagian II (Mekanisme Penyelarasan Keputusan/Pandangan Hukum, perkara 3 (1) menyebutkan;

“Apabila sesuatu keputusan/pandangan hukum yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa MKI telah diterima oleh Mufti, maka suatu Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri boleh diadakan bagi membincangkan kertas dan keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa MKI”.

Selanjutnya seorang pembentang akan membentangkan kertas kerja fatwa yang di dalam istilahnya dipanggil “Kertas Endorsmen” bagi dibincangkan pula oleh ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri. Perbincangan oleh Jawatankuasa fatwa Negeri ini ada kalanya hangat dan adakalanya bersifat sederhana sahaja bergantung kepada isu yang ada pada masa tersebut. Di dalam hal ini pada bahagian II (Mekanisme Penyelarasan Keputusan/Pandangan Hukum, perkara 3 (3) menyatakan;

“Sekiranya sesuatu keputusan Jawatankuasa Fatwa MKI itu diterima sepenuhnya atau dengan pindaan, maka Jawatankuasa Fatwa Negeri bolehlah mengambil apa-apa langkah yang perlu bagi memastikan keputusan tersebut dijadikan/disifatkan sebagai fatwa negeri berkenaan”.

Seterusnya apabila sesuatu hukum telah diputuskan oleh JPHSN, mufti diminta membuat keputusan samada fatwa itu ingin diwartakan atau sebaliknya. Pada bahagian II (Mekanisme Penyelarasan Keputusan/Hukum, perkara 3 (4) menyebutkan;

“Sekiranya fatwa berkenaan hendak diwartakan, maka Mufti bolehlah mengambil apa-apa langkah yang perlu bagi tujuan pewartaan”

Selanjutnya menurut garis panduan ini, Setiausaha adalah bertanggungjawab memaklumkan keputusan fatwa yang telah dimuktamadkan oleh Jawatankuasa fatwa negeri kepada Jabatan Mufti negeri lain dan JAKIM sebagai makluman. Ini disebutkan pada bahagian II Penyampaian fatwa kepada Jawatankuasa fatwa MKI dan negeri; perkara (4) yang berbunyi;

“Tertakluk kepada Garis Panduan 3, Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Negeri hendaklah menyampaikan fatwa yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri kepada Setiausaha Jawatankuasa Fatwa dan Mufti Negeri lain untuk makluman”.

Kemudian dalam bahagian III (Pelbagai) Garis Panduan ini di dalam usaha menyelaras fatwa di Malaysia meminta semua fatwa yang telah diputuskan hendaklah dihebahkan kepada masyarakat sama ada melalui seminar-seminar, ceramah-ceramah, forum-forum atau pengedaran risalah-risalah, poster-poster atau sebagainya. Di dalam hal ini pada bahagian III (Hebahan) (5) menyatakan;

“Mana-mana fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri hendaklah dihebahkan kepada umum”.

Suatu yang menarik pada Garis Panduan ini ialah teknik penyebaran fatwa diselaraskan melalui laman sesawang khas (Website) yang dinamakan Portal Fatwa yang dibina oleh JAKIM, sehinggakan para Setiausaha setiap Jawatankuasa Fatwa Negeri seolah-olah diwajibkan menyiarkan semua fatwa yang telah

diputuskan sighthnya dipaparkan di dalam Portal berkenaan. Di dalam hal ini bahagian III (Pelbagai) pada perkara (6) disebutkan;

“Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Negeri hendaklah menyiarkan semua fatwa menerusi Portal Jabatan dan Portal e-Fatwa JAKIM”.

Selanjutnya dengan sikap yang penuh berhati-hati, JAKIM (kerana menyedari bidangkuasa dan autoriti negeri-negeri di dalam kuasa keagamaan) sewaktu memandu Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri melalui Garis Panduan ini, pada bahagian III (Pandangan hukum oleh Jawatankuasa Fatwa MKI) perkara (7) menyebutkan;

“Jawatankuasa Fatwa Negeri boleh menerima apa-apa keputusan/pandangan hukum yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa MKI sebagai rujukan dan kajian”.

Dan, akhirnya pada penutup Garis Panduan ini bagi pihak JAKIM seolah-olahnya menyeru agar semua Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri menerimanya sebagai suatu model penyelarasan fatwa demi mencapai objektif memartabatkan fatwa di mata masyarakat dengan hanya satu fatwa sahaja di dalam sesuatu isu bukan dua pandangan atau tiga pandangan yang membuka ruang kepada kritikan orang ramai yang jahil terhadap perkembangan hukum di dalam Islam. Ini ditutup oleh Garis Panduan ini dengan menyebut;

“(8) Mekanisme yang digariskan dalam garis panduan ini diharap dapat menjadi panduan ke arah **mewujudkan penyelarasan fatwa** di Malaysia”

JAKIM telah menekankan kata-kata “mewujudkan penyelarasan fatwa” sebagai suatu usaha yang bersungguh-sungguh bagi merealisasikan satu Malaysia satu Fatwa di negara ini. Garis panduan ini memiliki keistimewaan yang tersendiri. Ini kerana setelah diikuti semua fatwa negeri di Malaysia boleh diakses melalui internet. Pihak JAKIM telah membina suatu laman portal fatwa bagi kemudahan pegawai-pegawai fatwa di Malaysia dan umat Islam di negara ini serta seluruh dunia akan dapat mengakses semua fatwa yang dikeluarkan di seluruh Malaysia tidak kira di mana mereka berada. Suatu yang menarik juga fatwa-fatwanya telah diterjemah ke dalam Bahasa Inggeris untuk tujuan rujukan hukum bagi seluruh umat Islam di dunia.

Justeru berdasarkan huraian di atas, garis panduan ini pada hakikatnya adalah bertujuan baik iaitu untuk menyelaraskan fatwa-fatwa di Malaysia walau bagaimanapun kebanyakan negeri tidak menjadikannya sebagai panduan sewaktu mengeluarkan hukum/fatwa.

KEPUTUSAN FATWA NEGERI-NEGERI PASCA GARIS PANDUAN JAKIM

Analisi umum terhadap sesetengah negeri di Malaysia, garis panduan ini dianggap sebagai gangguan atau *interference* kepada ahli jawatankuasa fatwa negeri-negeri yang mana mereka telah dianggap sebagai pakar rujuk yang tertinggi di dalam negeri. Ini kerana kebanyakan negeri sudah selesai dengan amalan sedia ada. Iaitu kepada mereka akan dibentangkan kertas endorsement

sebagai kertas asas untuk perbincangan dan seterusnya masing-masing akan mengeluarkan pendapat berdasarkan ilmu yang ada dan seterusnya mengambil kata sepakat samada ingin bersetuju dengan JFK atau sebaliknya atau memindanya.

Menurut maklum balas daripada negeri-negeri sesetengah negeri ada yang menggunakan garis panduan ini seperti Negeri Sembilan, Sarawak dan Melaka¹ dan sebahagiannya mengabaikan sahaja iaitu seperti Negeri Perak dan Johor. Ini difahami kerana kuasa agama adalah hak milik dan kuasa penuh kerajaan negeri sebagaimana diterangkan pada faktor penghalang penyelarasan fatwa yang mana masalah perundangan adalah yang paling mendasar halangannya.

Manakala menurut analisis terperinci dalam konteks penerimaannya di Negeri Pahang pula Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang yang bersidang di Hotel Seri Pacific Kuala Lumpur pada 22. 10. 2015 telah memutuskan untuk terus beramal dengan amalan yang sedia ada iaitu bergantung kepada ahli-ahli jawatankuasa yang memutuskannya. Adalah difahami bahawa dari segi pemakaian tersebut jika keputusan itu dipersetujui oleh jawatankuasa maka fatwa tersebut diterima dan jika mendapat bantahan daripada ahli jawatankuasa maka fatwa itu akan ditolak atau akan ditokok tambah atau dipinda mengikut kesesuaian kefahaman dan keilmuan yang dimiliki.

Oleh kerana itu, jika diteliti keputusan-keputusan fatwa Negeri Pahang pasca Garis Panduan JAKIM terputusnya adalah bercampur-campur. Ada yang selaras ada yang dipinda dan ada yang diputuskan berlainan dengan keputusan JFK.

KESIMPULAN

Penulisan dan kajian tentang halangan-halangan dan garis panduan penyelarasan fatwa di Malaysia telah dibuat oleh ramai sarjana di Malaysia dalam pelbagai perspektif. Namun matlamat utama melahirkan satu Malaysia satu fatwa masih belum dapat dicapai. Hasrat JFK agar fatwa-fatwa yang dikeluarkannya diterima sepenuhnya oleh negeri-negeri masih belum terlaksana. Justeru usaha-usaha yang lebih praktikal perlu dilakukan bagi merialisasikannya. Berdasarkan penelitian literatur yang dipaparkan kajian penyelarasan fatwa adalah dibuat secara menyeluruh iaitu tidak menjurus kepada punca sebenar kenapa jawatankuasa fatwa negeri tertentu memutuskan fatwa yang tidak selaras dengan JFK. Oleh itu kajian-kajian yang akan datang diharap dapat mengisi kekosongan atau kelompangan bagi menyelesaikan masalah penyelarasan fatwa sekaligus menghilangkan kekeliruan masyarakat Islam terhadap ketetapan hukum atau fatwa di Malaysia.

¹ Pegawai Fatwa yang dirujuk Negeri Sembilan: Timbalan Mufti iaitu Tuan Haji Azamir bin Alias. Sarawak: Ketua Penolong Mufti Tuan Haji Muall bin Saudi. Selangor: Ketua Penolong Mufti, Tuan Haji Mohd. Jais bin Kamus. Manakala Perak, pegawai yang dirujuk ialah Ketua Penolong Mufti, Tuan Haji Kamruddin bin Adam dan Johor, Tuan Haji Suhaimi bin Rebu, Ketua Penolong Mufti Johor.

DAFTAR RUJUKAN

- Abdul Monir Yaakob & Wan Roslili Abd. Majid (1998). *Mufti dan Fatwa di Negara-Negara Asean*. Institut Kefahaman Islam Malaysia. Kuala Lumpur.
- Abdul Monir Yaakob (2016). *Perkembangan Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. Universiti Islam Malaysia. Cyberjaya.
- Abdul Samat Musa, et.al (2006). *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*. Vol. 1. No. 1. Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Nilai.
- Ahmad Hidayat Buang (2012). "Ke Arah Membangun Garis Panduan dan Piawaian Pengeluaran Fatwa di Malaysia: Skop dan Kandungan". *Muzakarah Pakar: Garis Panduan dan piawaian Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan 24 Oktober 2012*. Dewan Senat. Universiti Sains Islam Malaysia. Nilai.
- Arik Sanusi Yoep Johari (2010). "Penyelarasan Fatwa di Malaysia: Kekangan Dari Aspek Perundangan" dalam *Monograf al-Ifta'*. Siri 1. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Putrajaya.
- al-Ashqar, Muhammad bin Sulayman (1993). *al-Futya wa Manahij al Ifta'*. Dar Annafais, Amman.
- al-^oAyad, Ahmad et.al (tanpa tahun). *al-Mu^ojam al-^oArabi al-Asasi*. t.tpt. Laros.
- al-Fayyum, Ahmad bin Muhammad bin Ali (2008). *Al Misbah al-Munir*. Muassasah al-Mukhtar, al Qahirah.
- al-Mallah, Syeikh Hussayn Muhammad (2009). *Al-Fatwa Nasyatuha wa Tathawuruha Usuluha wa Tatbiquha*. Al Maktabah al-Asriah, Bayrut.
- al-Qaradawiy, Yusof (1995). *Al-Fatwa Bayn al-Indhibit wa al-Tasayyub*. Cetakan 2. al-Maktab al-Islamiy, Bayrut.
- Garis Panduan Pemakaian Keputusan/Pandangan Hukum Yang Dibuat Oleh Jawatankuasa MKI Sebagai Fatwa Negeri (2011). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Putrajaya.
- Hasnan Kasan (2006). "Prosedur Mengeluar dan Menguatkuasa Fatwa di Semenanjung Malaysia" dalam *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*. Jilid 10. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad bin Mukram (1968). *Lisan al-Arab*. Jilid 15. Dar Sodir, Bayrut.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (1981). *Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Perkara 11(a).
- Jabatan Mufti Negeri Pahang (2012). *Manual Kualiti. JMNP (ISO) 01*. 1 Disember 2008 pindaan 12 Disember.
- Jabatan Transplan Negara (2011). *Pemindahan Organ Dari Perspektif Islam*. Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Kuala Lumpur.

- Kertas Makluman JAKIM, (2010) *Penubuhan Dan Fungsi Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI)*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Putrajaya.
- Lokmanul Hakim Hussain (2013). *Monograf INFAD*. Siri 2. Universiti Sains Islam Malaysia. Nilai.
- Mahamad Naser Disa (2011), "Ke Arah Penyelarasan Dan Penyatuan Pandangan Dalam Pengeluaran Hukum di Malaysia: Perspektif Perundangan" dalam *Monograf al-Ifta'*. Siri 2. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Putrajaya.
- Mahmood Zuhdi Ab Majid (2004). "Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia" dalam *Jurnal Syariah*. Jilid 12. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Majma' al-Lughah al-^oArabiyyah (2004). *al-Mu^ojam al-Wasit*. Cetakan 4. Maktabah al-Shuruk al-Dawliyyah, al-Qahirah.
- Mohamad Akram Laldin & Nurul Wahidah Rosli (2012). "Penghasilan Fatwa Berkualiti dan Berwibawa: Permasalahan, Cadangan Penyelesaian dan Penambahbaikan". *Muzakarah Pakar: Garis Panduan dan piawaian Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan* 24 Oktober 2012. Dewan Senat. Universiti Sains Islam Malaysia. Nilai.
- Mohd Mohadis Yasin (2007). "Pengurusan dan Penyelarasan Fatwa: Pelaksanaan Dan Cabaran di Malaysia". *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*. Vol. 1. USIM. Nilai.
- Mustafar Abdul Rahman (2006). "Manhaj Fatwa Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan". Kertas kerja Seminar *Manhaj Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan* pada 5-6 Disember. Hotel Nikko. Kuala Lumpur.
- Othman Ishak (1981). *Fatwa Dalam Perundangan Islam*. Fajar Bakti Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Paizah Ismail, et.al. (2013). "Konflik Fatwa Di Malaysia: Satu Kajian Awal" dalam *Jurnal Fiqh*. No. 10. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Zaini Nasohah (2005). "Undang-Undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia" dalam *Jurnal Islamiyyat*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Zaydan, Abdul Karim (2001). *Usul al-Da^owah*. Muassasah al-Risalah, Bayrut.

RUJUKAN LAMAN SESAWANG (WEB)

- prpm.dbp.gov.my. Ejaan perkataan endorsemen ini diambil daripada laman sesawang Dewan Bahasa Pustaka. Lihat Pusat; Rujukan Persuratan Melayu. Diakses pada 30 Mac 2016
- www. Islam.gov.my. Gandingan Jabatan Mufti, JAIN, dan JAKIM Gubah Sighah Fatwa Bagi Tujuan Penguatkuasaan. Diakses pada 21 Mac 2016
- www.e-fatwa.gov.my. Diakses pada 21 Mac 2016.

RUJUKAN PEGAWAI FATWA

Pegawai Fatwa yang dirujuk Negeri Sembilan: Timbalan Mufti iaitu Tuan Haji Azamir bin Alias. Sarawak: Ketua Penolong Mufti Tuan Haji Mual bin Saudi. Selangor: Ketua Penolong Mufti, Tuan Haji Mohd. Jais bin Kamus. Manakala Perak, pegawai yang dirujuk ialah Ketua Penolong Mufti, Tuan Haji Kamruddin bin Adam dan Johor, Tuan Haji Suhaimi bin Rebu, Ketua Penolong Mufti Johor. 17 Februari 2016 (secara talian telefon hari Khamis pukul 3.00-5.00 petang)

MINIT-MINIT MESYUARAT

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang. 1/2012.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang. 6/2014.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang. 4/2015.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang. 11/2015.

SENARAI ENAKMEN & UNDANG-UNDANG

Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang. Enakmen No. 8 Tahun 1982.

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Pahang. Enakmen No. 3 Tahun 1991.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pahang. Enakmen No. 11. Tahun 2013.

Undang-Undang Tadbir Ugama Islam Pahang. Enakmen No. 8. Tahun 1956.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.